

## **KESALAHAN KHALWAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

### **OFFENSES BY ISLAMIC LAW AND SYARIAH CRIMINAL LAWS IN MALAYSIA**

Prof. Madya Dr Alias Azhar<sup>1</sup>  
Dr Mohammad Azam Hussain<sup>2</sup>  
Muhammad Hafiz Badarulzaman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, 06010 Sintok, Kedah, e-mel: az.alias@uum.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, 06010 Sintok, Kedah

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, 06010 Sintok, Kedah

**Accepted date:** 15 December 2016

**Published date:** 31 December 2016

**To cite this document:** Azhar, A., Hussain, M. A., & Badarulzaman, M. H. (2016). Kesalahan Khalwat Menurut Hukum Islam Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 1(2), 8-17.

**Abstrak :** Kesalahan khalwat merupakan satu bentuk kesalahan jenayah syariah yang termaktub dalam enakmen kesalahan jenayah negeri-negeri di Malaysia. Kertas kerja ini membincangkan definisi khalwat menurut perspektif konsep perundangan Islam yang ternyata berbeza tafsirannya mengikut peruntukan undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. Seterusnya perbincangan turut menjelaskan kategori khalwat menurut al-Quran dan al-Hadith. Selain itu, perbincangan berkaitan perbezaan tafsiran khalwat mengikut enakmen kesalahan jenayah negeri di Malaysia. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan iaitu menganalisis dokumen seperti buku-buku, artikel-artikel dan peruntukan undang-undang dalam enakmen kesalahan jenayah negeri-negeri di Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan dari segi tafsiran khalwat enakmen kesalahan jenayah negeri-negeri di Malaysia.. Walaupun berlakunya perbezaan tafsiran tersebut, khalwat masih dianggap sebagai satu kesalahan jenayah syariah di Malaysia.

**Kata Kunci:** Undang-Undang Jenayah Syariah, Khalwat, Perbuatan Tidak Sopan, Zina

**Abstract :** Khalwat's offense is a form of sharia criminal offense enshrined in the criminal enactment of states in Malaysia. This paper discusses the definition of khalwat in accordance with the perspective of the concept of Islamic law which in turn contrasts its interpretation in accordance with the provisions of the Syariah Criminal law in Malaysia. Next the discussion also explains the categories of khalwat according to the Quran and al-Hadith. Additionally, discussions on the differences of khalwat interpretation in accordance with the enactment of state criminal offenses in Malaysia. This paper uses a library study method that analyzes documents such as books, articles and legal provisions in the criminal enactment of states in Malaysia. The findings show that there are differences in the interpretation of khalwat enakmen of criminal offenses in the states of Malaysia. Despite the difference in interpretation, the khalwat is still considered a syariah criminal offense in Malaysia.

**Keywords:** Syariah Criminal Law, Khalwat, Unwitting Act, Zina

## **Pendahuluan**

Dalil-dalil pensyariaan pengharaman khalwat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran dan al-hadis. Hukum berkhalwat antara lelaki dan perempuan ajnabi adalah haram. Ini berdasarkan kepada beberapa nas qat'ie mengenai kes ini (al-Isra:ayat 32). Nabi saw menjelaskan bahawa khalwat yang dilakukan di antara ipar dengan perempuan yang merupakan isteri kepada salah seorang kaum keluarganya, adalah dilarang sama sekali sehingga ia diibaratkan seperti menemui maut (Abu al Husayn al-Qushairi al-Nisaburi Muslim Ibn al-Hajjaj:1981). Ini adalah kerana perbuatan tersebut boleh membawa kemusnahan kepada agama dan talian persaudaraan di antara mereka. Al-Qurtubi menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan maut kepada agama atau maut kepada wanita itu apabila diceraikan oleh suaminya ataupun mungkin dia akan direjam sekiranya berzina dengan ipar tersebut (al-‘Ayni:t.th).

## **Permasalahan Kajian**

Di Malaysia, Khalwat adalah salah satu kesalahan jenayah yang diperuntukkan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah setiap negeri. Mereka yang disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Dalam konteks undang-undang jenayah syariah dan sistem keadilannya, penguatkuasaan dan pendakwaan berpaksikan akta/enakmen tatacara jenayah syariah yang jelas mengandungi segala aspek prosedural berkaitan menguruskan tindakan-tindakan berkaitan kesalahan yang dilakukan. Dengan peruntukan yang sedia ada, pihak penguatkuasa dan pihak pendakwa tidak akan tersasar dalam melaksanakan tugas masing-masing. Oleh kerana pentadbiran keadilan jenayah syariah perlu dilihat menjunjung keadilan dan berkesan dalam pelaksanaannya, pegawai-pegawainya juga mestilah terlatih dan yang penting sekali celik undang-undang. Tanpa pemahaman yang jitu berkaitan kehendak undang-undang, sudah pasti akan timbul masalah dari segi pentafsiran dan pemakaiannya (Siti Zubaidah Ismail,2008).

Bidang kuasa penguatkuasaan jenayah Syariah khusus kesalahan jenayah khalwat adalah tertakluk kepada bahagian penguatkuasa, jabatan agama Islam negeri-negeri. Secara umumnya, bidang kuasa ini merupakan tanggungjawab hisbah secara umum tanpa melibatkan institusi hisbah secara khusus. Prosedur dan modus operandi pihak berkuasa dalam mencegah maksiat dan tangkapan khalwat harus memenuhi kriteria konsep hisbah sebenar. Sekiranya berlaku penyalahgunaan kuasa dan kesilapan aplikasi kaedah hisbah boleh menyebabkan timbul perspektif negatif masyarakat terhadap syariat Islam yang menggalakkan umatnya agar menyuruh kepada makruf dan mencegah kemungkaran. Selain itu, tujuan asasi perundangan Islam ialah untuk “ta’dib” (mendidik) dan bukan menghukum semata-mata. Secara ringkasnya, dahulukan dakwah daripada dakwa.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer yang merupakan data daripada sumber terus, berautoriti dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pandangan atau pendapat seseorang (Chatterjee, 2000) bagi tujuan kajian ini ialah statut dan peraturan berkaitan dengan kesalahan jenayah khalwat di samping temubual berstruktur dengan pihak-pihak yang terbabit. Manakala data sekunder diperoleh daripada sumber seperti buku, jurnal dan artikel termasuk bahan-bahan percetakan yang diterbitkan dan yang belum diterbitkan seperti tesis-tesis penyelidikan yang mempunyai kepentingan dengan tema kajian ini. Data kualitatif dalam bentuk maklumat, penilaian, tafsiran dan pendapat turut menjadi sumber otoriti dalam kajian ini.

Kajian adalah berbentuk sosio-perundangan iaitu satu kaedah penyelidikan yang menyatukan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat (Rohani Abdul Rahim, 2002). Kajian turut melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang tinggi melalui kaedah perundangan tradisional atau konvensional yakni melibatkan proses menyatakan (*stating*), menginterpretasi (*interpreting*) dan menerangkan undang-undang sedia ada (*clarifying the existing law*) di dalam sesuatu bidang perundangan (Mahdi Zahraa, 1998). Kajian seumpama ini melibatkan perancangan yang sistematik, penyiasatan, pemerhatian, analisis dan teknik yang kritikal. Secara khususnya, kaedah perundangan tradisional ini boleh dibahagikan kepada empat kaedah pula iaitu kaedah falsafah, sejarah, analitis dan kritis serta metod perbandingan (Walker, 1969).

Selain itu, teknik pentafsiran undang-undang yang terdiri daripada *literal rule*, *golden rule*, *mischief rule* dan *purposive approach* akan diguna pakai mengikut kesesuaian khususnya bagi mencapai objektif kajian. Ringkasnya, *literal rule* digunapakai apabila sesuatu perkataan dalam statut adalah jelas dan nyata dan sepatutnya dibaca dan diaplikasikan mengikut makna yang biasa. *Mischief rule* pula digunapakai apabila makna sesuatu peruntukan adalah kabur dan tidak dapat dipastikan objektifnya. Kaedah ini akan melihat niat di sebalik perundangan berkenaan. Seterusnya *golden rule* digunakan apabila perkataan-perkataan di dalam sesuatu statut adalah biasa tetapi apabila diaplikasikan akan menghasilkan sesuatu yang tidak masuk akal ataupun mendatangkan ketidakadilan, manakala *purposive rule* pula mentafsirkan statut dengan merujuk kepada tujuan sesuatu statut itu digubal. Kaedah ini memberikan penekanan dengan memberi kesan kepada tujuan badan perundangan menggubal sesuatu statut. Ini bermakna peruntukan-peruntukan statut ditafsirkan dengan memberi kesan kepada niat penggubal undang-undang (Anwarul Yaqin, 2007).

Bentuk kajian lapangan berasaskan temubual merupakan salah satu bentuk penyelidikan sosial (Anwarul Yaqin, 2007) yang merupakan satu interaksi sosial bertujuan mengumpul maklumat bagi tujuan kajian. Sesi ilmiah bercorak perbualan terbuka dengan responden atau informen berotoriti berkenaan tema kajian akan dijalankan. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk mendapatkan keterangan tentang peruntukan kesalahan khalwat yang terkandung dalam kerangka perundangan Jenayah Syariah di Malaysia.

Penganalisan data menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan kaedah analisis hukum yang biasanya diguna pakai oleh kalangan fuqaha Islam di dalam membuat penilaian terhadap sesuatu konsep hukum yang dikeluarkan oleh seseorang fuqaha yang lain turut dijalankan. Usaha meneliti secara terperinci terhadap alasan, kaedah pemetikan hukum dan sumber rujukan yang digunakan dalam sesuatu karya yang dipilih. Dalam konteks kajian ini, penelitian khusus diberikan terhadap konsep dan pentafsiran khalwat dalam perundangan Islam dan peruntukan terkandung dalam perundangan jenayah syariah di Malaysia.

Analisis perbandingan turut diaplikasi bertujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan antara unsur yang serupa daripada sumber yang berlainan melalui kaedah perbandingan deskripsi dua unsur tersebut. Hasil daripada perbandingan ini, para penulis telah menjadikannya sebagai rumusan dan asas cadangan bagi kajian ini. Pendekatan ini penting bagi melihat dan mengenali bentuk-bentuk yang terkandung di dalam taburan data-data khususnya pentakrifan jenayah khalwat aspek konsep perundangan Islam dan sebagaimana

terkandung dalam peruntukan undang-undang jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Data-data ini akhirnya akan dirumus dan dibuat kesimpulan.

### **Definisi Khalwat**

Perkataan khalwat dalam bahasa Arab berasal daripada kata kerja iaitu berseorangan (al-Bustani:t.th). Terdapat juga penggunaannya yang membuat maksud lain, sebagai contoh di dalam kata terbitan yang bermaksud sunyi (al-Marbawi:t.th). Kamus Dewan mendefinisikan perkataan khalwat sebagai perihal perbuatan pengasingan diri berdua-duaan di tempat yang terpencil atau tersembunyi, oleh lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan bukan pula suami isteri sehingga dapat dianggap sebagai suatu perbuatan yang sumbang (Teuku Iskandar 2000). Menurut kamus Besar Bahasa Melayu, khalwat bermaksud perbuatan mengasingkan dan memencilkan diri, duduk seorang diri dan berdua-duaan di dalam keadaan sumbang di tempat yang terpencil di antara lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin (Zainal Abidin Safarwan:t.th) Menurut istilah pula para ulama mentakrifkannya sebagai berseorangan atau sebagai tempat menenangkan fikiran daripada pelbagai hal dengan hanya mengingat Allah SWT semata-mata (Said al-Syartibi t.th). Mengikut Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali istilah ini dirujuk kepada hubungan suami isteri yang tinggal berdua-duaan sama ada berlaku persetubuhan atau sebaliknya. Namun ia akan terkecuali jika wujud sebab-sebab yang menghalang berlakunya persetubuhan (Mahy ad-Din Sabir et al.:t.th).

Menurut istilah, pengertian khalwat ini boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu khalwat sahifah dan khalwat ihtida' ('Abd Rahman al-Jaziri:1969). Menurut hukum Islam yang tidak dikanunkan seperti mana yang terdapat di dalam kitab-kitab fiqh dan hadis-hadis Rasulullah saw, pengertian khalwat diberikan dalam bentuk yang berbeza-beza daripada pengertian khalwat yang dinyatakan menurut hukum Islam yang telah dikanunkan dan diperundangan di dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Pengertian khalwat menurut kitab-kitab fiqh dan hadis-hadis Rasulullah saw adalah merujuk kepada perbuatan khalwat atau bersekedudukan di antara pasangan yang ajnabi, iaitu pasangan yang belum ada sebarang ikatan yang menghalalkan kedua-duanya. Merujuk kepada khalwat yang berlaku di antara pasangan suami isteri, ulama terdahulu seperti Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali mendefinisikan suami isteri yang bersekedudukan (tinggal bersama) sama ada berlaku persetubuhan atau sebaliknya, kecuali wujud sebab-sebab yang boleh menghalang daripada berlakunya persetubuhan (Muhamad Amin Syahir Ibn 'Abidin:1996).

### **Kategori Khalwat**

Khalwat ini boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu *khalwat sahifah* dan *khalwat ihtida'*.

#### ***Khalwat Sahifah***

Khalwat sahifah ialah khalwat antara sepasang suami isteri dengan berkumpul pada suatu tempat yang terhindar daripada pandangan orang ramai tanpa keizinan mereka yang membolehkan si suami melakukan persetubuhan tanpa wujud sebarang halangan, seperti halangan hissi, tabi'i atau syar'ie. Jika gugur salah satu daripada halangan tersebut, khalwat tersebut dianggap sebagai khalwat fasidah dan bukan khalwat sahifah (Ahmaf Nasr al-Jundi 1978). Khalwat fasidah adalah sama seperti khalwat dengan orang ajnabi (Muhamad Abu Zahrah 1958). Syarat utama di dalam khalwat sahifah ini ialah, tidak wujud sebarang halangan yang boleh mendatangkan daripada berlakunya persetubuhan (Ibn Qudamah:t.th.). Halangan-halangan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertamanya halangan *hissi/haqiqi*, keduanya halangan tabi'i dan ketiganya halangan syarie.

Di antara halangan-halangan hissi ialah seperti sakit yang dialami oleh pihak seperti suami atau isteri. Halangan tabi'i pula ialah seperti wujudnya orang ketiga di antara pasangan tersebut. Kehadiran orang ketiga tersebut sama ada dalam keadaan jaga atau tidur, buta atau celik, dikira sebagai halangan kepada khalwat sahahah. Di antara contoh halangan tabi'i yang lain ialah seperti kehadiran kanak-kanak yang boleh memahami sesuatu percakapan, orang buta yang sedang tidur (Ibn Qudamah:t.th). Halangan syarie pula ialah seperti wujudnya keadaan yang boleh menghalang pasangan suami isteri tersebut daripada melakukan persetubuhan secara syar'ie seperti salah seorang daripada mereka berpuasa atau dalam keadaan uzur seperti haid (Ibn 'Abidin:1996). Sekiranya wujud keadaan tersebut, khalwat tersebut tidak dikira sebagai khalwat sahahah. Sementara tempat tempat yang boleh dianggap sebagai khalwat sahahah pula ialah seperti khalwat yang dilakukan di padang yang luas dan sunyi, di jalan-jalan yang sunyi, di tepi-tepi tembok yang terhalang daripada pandangan orang ramai dan juga di dalam bilik di sebuah rumah yang didiami oleh orang lain dalam keadaan tertutup (Abd Rahman al-Jaziri:1969). Tempat-tempat seperti masjid, bilik air, tempat-tempat awam yang bebas untuk kegunaan orang ramai tidak dianggap sebagai tempat khalwat sahahah (Muhamad Amin Syahir Ibn. 'Abidin:1996).

Khalwat sahahah boleh disabitkan dengan keterangan-keterangan yang kukuh, seperti keterangan di mana sepasang suami-isteri berdua-duaan pada suatu tempat yang sunyi dari pandangan orang ramai dan tidak terdapat sebarang halangan yang boleh menegah mereka daripada melakukan persetubuhan. Mengenai hukum yang bersangkutan dengan khalwat sahahah ini pula, si suami yang tersebut wajib membayar keseluruhan mahar kerana khalwat seperti ini dianggap setaraf dengan persetubuhan (Ahmad Nasr al-Jundi:1978). Si suami juga wajib membayar nafkah, menyediakan tempat tinggal, idah dan suami tersebut diharamkan mengahwini saudara perempuan kepada isterinya. Ulama telah berselisih pendapat di dalam masalah suami yang berkhalwat dengan isteri, tetapi tidak melakukan persetubuhan sehinggalah mereka bercerai. Ulama Kufah dan Imam Malik berpendapat bahawa diwajibkan ke atas suami isteri tersebut keseluruhan mahar dan idah ke atas isteri tersebut. Sementara menurut Imam Syafii pula, tidak diwajibkan ke atas suami keseluruhan mahar dan idah ke atas isteri sekiranya tidak berlaku sebarang persetubuhan (Muhamad Abu Zahrah 1958).

### ***Khalwat Ihtida'***

Khalwat Ihtida' ialah berdua-duaan atau bersunyi-sunyian di suatu tempat yang tertutup serta jauh daripada pandangan orang ramai (al-Qurtubi:1935). Ia dinamakan khalwat ihtida' kerana terdapatnya suasana sunyi dan kedua-duanya bersunyi-sunyian di antara satu sama lain ('Abd Rahman al-Jaziri: 1969). Di dalam khalwat jenis ini, si isteri mestilah telah baligh. Sekiranya belum baligh dan dia mendakwa bahawa khalwat ihtida' dan persetubuhan telah berlaku dan ini diakui oleh suami, wajib ke atasnya membayar setengah daripada mahar yang telah diwajibkan, manakala setengah lagi daripada jumlah mahar tersebut akan dibayar apabila si isteri telah baligh. Sementara khalwat merujuk kepada pasangan yang ajnabi adalah berdasarkan hadis-hadis Rasulullah saw yang jelas merujuk perbuatan khalwat yang belum ada ikatan perkahwinan halal sebagaimana sabda Nabi bermaksud:

*Janganlah kamu bersunyi-sunyian dengan perempuan yang tidak halal bagi kamu kerana sesungguhnya orang yang ketiga bagi mereka berdua ialah syaitan.* (al-Tarmidhi:t.th, Ibn Hibban:1993).

Perbincangan di atas menunjukkan pengertian khalwat yang terkandung dalam kitab-kitab fiqh dan hadis Nabi adalah merangkumi dua keadaan iaitu khalwat di antara pasangan suami isteri dan juga pasangan ajnabi. Kesimpulannya khalwat merupakan perbuatan yang diharamkan oleh Islam kerana ia mendorong ke arah melakukan maksiat yang lebih besar iaitu zina di samping merosakkan keharmonian dan perpaduan masyarakat. Pengharaman

perbuatan ini dapat dikuatkan lagi dengan kaedah fiqh iaitu; Menurut prinsip yang digunakan dalam kaedah fiqh ini,

*apa sahaja yang membawa kepada haram ia adalah haram* (al-Qaradawi 1980).

Hukum zina adalah haram, justeru apa sahaja yang membawa ke arah melakukan perbuatan tersebut di dalam mana-mana kes perbuatan khalwat adalah haram. Selain itu pengharaman khalwat memiliki hikmah aspek menjamin keturunan yang baik. Perbuatan zina boleh mempengaruhi perkahwinan dan hubungan kekeluargaan. Perzinaan ini akan mengakibatkan berlaku percampuran nasab. Anak yang lahir hasil perbuatan ini sukar untuk ditentukan nasab keturunannya (Zaid Hussin Al-Hamid:1984). Melalui perbuatan zina ini juga akan mengakibatkan kelahiran keturunan yang tidak terjaga. Mereka yang melakukan zina akan mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak yang lahir daripada perbuatan tersebut. Anak-anak itu juga akan mewarisi sifat buruk ibunya dan pastinya tidak mendapat pendidikan yang sempurna dan tersisih daripada ahli keluarga yang lain. Mereka juga akan menjadi mangsa kebencian dan cemuhan masyarakat. Di dalam soal menjatuhkan hukuman, al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah menyatakan terpulanglah kepada pemerintah atau hakim untuk mengenakan apa-apa hukuman dengan mana-mana kadar yang difikirkan sesuai (Muhammad Abu Zahrah:1974). Ini kerana takzir adalah merupakan hukuman yang tidak ditentukan oleh syarak kadar hukumannya. Peruntukan hukumannya adalah terletak di bawah kuasa pemerintah atau hakim yang mujtahid (Abi Bakr Muhammad al-Sarakhsi:t.th.). Jelaslah bahawa pemerintah atau hakim berkuasa untuk menjatuhkan hukuman mengikut budi bicaranya.

### **Undang-Undang Berkaitan Kesalahan Jenayah Khalwat Di Malaysia**

Di Malaysia, peruntukan berkaitan dengan kesalahan jenayah khalwat adalah terkandung dalam enakmen-enakmen yang boleh dilihat dalam Jadual 1 berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Enakmen</b>	<b>Kategori</b>	<b>Peruntukan</b>
Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Enakmen 4 Tahun 1993)	Bahagian II- Kesalahan-Kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
Kedah	Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kedah)1988 (Enakmen 9 Tahun 1988)	Bahagian II- Kesalahan-kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (Enakmen 3 Tahun 1996)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat
Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, Perak (Enakmen 3 Tahun 1992)	Bahagian VI - Kesalahan Berhubungan Dengan Maruah Diri	Seksyen 54. Khalwat
Selangor	Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 29. Khalwat
Wilayah-Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat

Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 (Enakmen 4 Tahun 1992)	Bahagian IV - Kesalahan Darihal Kesalahan Mengenai Kehormatan Diri	Seksyen 61. Percubaan persetubuhan haram.
Melaka	Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (Enakmen 6 Tahun 1991)	Bahagian IV - Kesalahan-Kesalahan Lain	Seksyen 53. Bersekediaman.
Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Johor (Enakmen 4 Tahun 1997)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat.
Pahang	Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Enakmen 8 Tahun 1982)	Bahagian IX - Kesalahan	Seksyen 145. Bercumbuan atau berkhalwat.
Terengganu	Enakmen 7 Tahun 2001 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 31. Khalwat
Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Enakmen 2 Tahun 1985)	Bahagian II - Kesalahan-Kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak) (Ordinan 46 Tahun 2001)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 24. Khalwat
Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah) (Enakmen 3 Tahun 1995)	Bahagian IV – Kesalahan	Seksyen 84. Khalwat

**Jadual 1: Undang-undang berkaitan kesalahan jenayah khalwat di Malaysia**

Jadual di atas memperlihatkan bahawa keseluruhan negeri di Malaysia (100%) mempunyai peruntukan berkaitan dengan kesalahan jenayah khalwat. Berlaku perbezaan dalam mengkategorikan kesalahan jenayah khalwat antara negeri-negeri. Enam buah negeri (42.86%) meletakkan kesalahan jenayah khalwat di bawah kategori kesalahan-kesalahan secara umum. Manakala enam buah lagi (42.86%) mengklasifikasikannya sebagai kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan. Dua buah negeri lagi (14.28%) mengklasifikasikannya sebagai kesalahan berhubung dengan maruah/kehormatan diri. Ini digambarkan dalam Jadual 2 di bawah.

<b>Negeri</b>	<b>Kategori</b>
Perlis, Kedah, Melaka, Pahang, Sabah dan Kelantan	Kesalahan-kesalahan
Pulau Pinang, Selangor, Wilayah-wilayah Persekutuan, Johor, Terengganu dan Sarawak	Kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan
Perak dan Negeri Sembilan	Kesalahan berhubung dengan maruah/kehormatan diri

## Jadual 2: Kategori kesalahan jenayah khalwat

Selanjutnya, wujud perbezaan istilah yang digunakan bagi merujuk kepada jenayah khalwat antara negeri-negeri di Malaysia. Majoriti negeri, iaitu 11 buah negeri (78.57%) secara jelas menggunakan istilah “khalwat” kepada peruntukan-peruntukan berkaitan. Manakala tiga buah negeri yang lain, Negeri Sembilan menggunakan istilah “Percubaan persetubuhan”, Melaka menggunakan istilah “Bersekediaman” dan Pahang menggunakan “Bercumbuan atau berkhalwat”. Ini digambarkan dalam Jadual 3 di bawah.

Negeri	Istilah
Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah-wilayah Persekutuan, Johor, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah	Khalwat
Negeri Sembilan	Percubaan persetubuhan haram.
Melaka	Bersekediaman.
Pahang	Bercumbuan atau berkhalwat.

Jadual 3: Istilah yang digunakan bagi jenayah khalwat

Kesimpulan awal penulis, walaupun wujud perbezaan aspek definisi, kategori dan terma kesalahan khalwat yang terkandung dalam perundangan syariah negeri-negeri, namun ia masih selari pentakrifan syarak secara prinsip. Selain itu, pentafsiran dan penguatkuasaan jenayah khalwat perlu seiring dengan prinsip syarak agar matlamat pencegahan jenayah tersebut dapat direalisasikan dengan penuh hikmah dan berkesan.

### Penutup

Allah SWT tidak menjadikan dan mencipta sesuatu perkara dengan sia-sia. Oleh sebab itu larangan-Nya kepada manusia terhadap perkara tertentu mempunyai hikmah yang tersendiri. Dalam pengharaman khalwat terdapat hikmah-hikmah tersembunyi yang perlu diteliti agar faedahnya dapat dilihat dengan jelas kepada manusia. Perbuatan khalwat yang berleluasa akan menyebabkan gejala yang buruk kepada masyarakat, sekiranya tidak diatasi dengan segera. Apabila keadaan ini berlaku, akan lunturlah nilai-nilai kehidupan keseluruhannya dan akhirnya berlakulah kemusnahan dan keterlanjuran di dalam masyarakat. Akibat daripada keburukan-keburukan tersebut, Allah SWT telah mengharamkan khalwat dan antara hikmah daripada pengharaman tersebut adalah untuk menghindari perzinaan, menghalang kelahiran anak luar nikah, dan menghalang pembuangan bayi.

Menurut hukum Islam yang tidak dikanunkan seperti mana yang terdapat di dalam kitab-kitab fekah dan hadis-hadis Rasulullah saw, pengertian khalwat diberikan dalam bentuk yang berbeza-beza daripada pengertian khalwat yang dinyatakan menurut hukum Islam yang telah dikanunkan dan diperundangan di dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Perbuatan zina adalah haram dan perkara-perkara yang merupakan *muqaddimah* kepadanya, seperti khalwat dan sesetengah perbuatan tidak sopan adalah haram. Hukuman yang setimpal untuk kesalahan ini adalah dalam bentuk hukuman takzir, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh para ulama dan dinyatakan juga dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia.

### Rujukan



- Abd Rahman al-Jaziri. 1969. Kitab al-Fiqh ‘Ala Mazahib al-Arba‘ah. Jili 4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Abdullah Naseh Ulwan. 2003. Generasi Muda Islam Dan Cabaran Globalisasi. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abu Abdullah Muhammad. 1980. Sharah al-Qamani. Beirut : Dar al-Ihya’ al-Turth al-Arabi.
- Abu Bakr Ahmad Ibn. al-Husayn Ibn. ‘Ali-Baihaqi. t.th. al-Sunan al-Kubra bi al-Bayhaqi wa fi Zaylihi al-Jawhar al-Naqi. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Bakr Muhammad al-Sarkhasi. t.th. al-Mabsut. Juz. 6. Beirut: Dar al-Ma’rifat.
- Abu Barakah Ahmad. t.th. Al-Sharh al-Saghir. Mesir: Dar al-Maarif.
- Ahmad Ibn Shu‘ay. 1994. Sunan al-Nasa‘i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti wa Hashiyat al-Imam al-Sindi. Beirut: Dar al-Busha’ir al-Islamiyyah.
- Ahmad Nasr al-Jundi. 1978. Mabadi’ al-Qada‘as-Syar‘i fi Khasina ‘Aman. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Ahmad Syawki al-Fanjari. 1987. al-Ikhtilat fi al-Din wa al-Tarikh wa fi ‘ilm al-Ijtima’. Kaherah: al-Hay‘ah al-Misriyah al’-Ammah li al-Kitab.
- al-‘Ayni, Badr al-Din Mahmud Ibn Ahmad. t.th. ‘Umdat al-Qari, Syarh Sahih al-Bukhari. Juz 16. Beirut: Dar al-Fikr. al-Bukhari,
- al-Bukhari, Muhamad Ibn Ismail. t.th. Sahih al-Bukhari. Juz. 16. Beirut: Dar al-Fikr. al-Bukhari,
- al-Bustani. t.th. Kitab al-Muhit: Qamus al-Matawil al-Zughah al-‘Arabiyyah. Jil.1. t.tp.
- al-Haythamin, ‘Ali bin Abu Bakr. 1992. Majma’ al-Zawa`id wa Manba’ alFawa`id. Beirut : Dar al-Fikr.
- al-Marbawi, Muhamad Idris Abdul Rauf. t.th. Qamus al-Marbawi. Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- al-Nasa`i. 1994. Sunan al-Nasai`i bi Sharah al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti wa Hashiyat al-Imam al-Sindi. Beirut: Dar al-Busha’ir al-Islamiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1980. al-Halal wa al- Haram fi al-Islam. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1983. Ghayr Muslimin fi al-Mujtama’ al-Islam. Beirut: Dar al-Mu‘assasah al-Risalah.
- al-Tirmidhi, Abu ‘Isa, Muhammad bin Isa. t.th. Sunan al-Tirmidhi. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath.
- Anwarul Yaqin. 2007. *Legal research writing*. Malaysia: LexisNexis.
- Charterjee, C. 2000. *Methods of research in law* (2<sup>nd</sup> Ed.). London: Old Bailey Press.
- Ibn Hibban, Abu Hatim, Muhammad bin Hibban bin Ahmad. 1993. Sahih Ibn Hibban. Syunt. Shuib al-Arna`ut, Beirut: Muasasah al-Risalah.
- Ibn Manzur, Muhammad b. Jalal al-Din. 1967. Lisan al-‘Arab. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr. Fikri al-‘Arabi.
- Ibn Qudamah, Abu Muhamad ‘Abdullah Ibn Ahmad. t.th. al-Muqni li Ibn Qudamah. Jil. 7. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.
- Ibrahim al-Jamal. 1990. al-Khatabah al-Mua‘ Sarah. Kaherah: Maktabah al-Iman.
- Mahdi Zahraa. 1998. *Research methods for law postgraduates overseas students*. Univision: Glasgow.
- Mahy ad-Din Sabir. t.th. Kamus Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi.
- Malik Ibn Anas. 1989. al-Muwatta’. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mohd Shukri Hanpi. 2003. Kamus Istilah Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud, Qisas & Takzir). Kuala Lumpur: Zabra. al-Sharbini,
- Muhamad ‘Abd al-Rahman Ibn Ahmad ‘Abd al-Rahim al-Kafuri. t.th. Tuhfah al-Ahwazi Syarh Jami al-Tarmidhi. Madinah: al-Maktabah alSalafiyyah.

- Muhamad ‘Abd Rahman Ibn ‘Abd ar-Rahim al-Mubarakfuri. t.th. Tuhfah al-Ahuzi bi Syarh Jami‘at-Tarmizi, Juz. 8. Madinah: al-Maktabat al-Salafiyah.
- Muhamad Abu Zahrah. 1958. Muhadarat fi Aqd al-Zawaj wa Atharuhu. Ma’had al-Dirasat al-Arabiyyah al ‘Aliyyah.
- Muhamad Amin Syahir Ibn ‘Abidin. 1996. Hasyiyah Ibn ‘Abidin. Jil 3. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Matba’ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Muhamad Ibn Ismail. 1987. al-Jami’ al-Sahih. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Muhamad Ibn Ismail. t.th. Sahih al-Bukhari. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Muslim, Abu al-Husayn, Muslim bin al-Hajjaj al-Nasaiburi. al-Sahih. Beirut: Dar al-Jil & Dar al-Afaq al-Jadidah. Kitab al-Salam.
- Mustafa al-Bugha. 1998. al-Wafi fi Sharah al-Arba‘in al-Nawawiyyah. Beirut: Dar Ibn Khasir.
- Rohani Abdul Rahim. 2002. Metodologi Penyelidikan Undang-undang: Satu Tinjauan Kepada Kajian Sosio-Perundangan. *Seminar Kemantapan Akademik UKM*.
- Said Hj Ibrahim. 1996. Qanun Jenayah Syar’iyah Dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Al-Quran Dan Hadis. Kuala Lumpur: Darul Ma‘rif.
- Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Syariah*. Jil. 16 (Keluaran Khas). pp. 537-554
- Syeikh Mohamad al-Khatib. 1958. Mughni al-Muhtaj ila Ma’ rifah Ma‘ani Alfaz al Minhaj. Juz. 4. Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi wa Auladah.
- Teuku Iskandar. 2000. Kamus Dewan. 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Walker, D. (1969). *The Scottish Legal System, An Introduction to the Study of Scots Law*. Edinburgh: W. Green
- Zaid Hussin Al-Hamid. 1984. Dosa-Dosa Besar Dalam Islam. Surabaya: Al-Qo’noah Surabaya.
- Zainal Abidin Safarwan. t.th. Kamus Besar Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.